2014

# PENYATA KEWANGAN TAHUNAN


**129** Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014

**130** Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**131** Nota-nota bagi Penyata Kewangan

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata atau ketinggalan yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan Bank Negara Malaysia dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta menilai persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta hasil operasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dalam semua aspek yang ketara, selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Penyediaan penyata kewangan ini adalah berbeza dalam beberapa aspek daripada piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Selaras dengan keperluan Seksyen 9 Akta tersebut, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan dengan sempurna oleh Bank Negara Malaysia.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
AUDITOR GENERAL
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 FEBRUARI 2015



# PERNYATAAN PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan N.Sadasivan, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2014 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



**ZETI AKHTAR AZIZ**
PENGERUSI

16 FEBRUARI 2015
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



**N.SADASIVAN**
PENGARAH

16 FEBRUARI 2015
KUALA LUMPUR

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )
oleh penama di atas di Kuala Lumpur )
pada 13 Februari 2015. )

Di hadapan saya,




NO: 17, JALAN PETALING
50000 KUALA LUMPUR

# Bank Negara Malaysia

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014**

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Emas dan Pertukaran Asing | 3 | 395,559,281,287 | 432,209,463,509 |
| Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa | | 3,295,258,378 | 3,183,163,738 |
| Milikan Hak Pengeluaran Khas | | 6,518,068,438 | 6,488,214,835 |
| Kertas Kerajaan Malaysia | 4 | 2,454,717,462 | 1,852,122,439 |
| Deposit dengan Institusi Kewangan | 5 | 1,730,586,027 | 16,444,346,374 |
| Pinjaman dan Pendahuluan | 6 | 6,499,251,321 | 6,681,648,479 |
| Tanah dan Bangunan | 7 | 2,113,933,570 | 112,006,381 |
| Aset-aset Lain | 8 | 9,445,411,770 | 7,296,920,314 |
| **Jumlah Aset** | | **427,616,508,253** | **474,267,886,069** |
| **LIABILITI DAN MODAL** | | | |
| Mata Wang dalam Edaran | | 77,734,642,894 | 73,030,918,741 |
| Deposit oleh: Institusi Kewangan | | 141,160,587,660 | 198,707,476,320 |
| Kerajaan Persekutuan | | 5,263,624,767 | 7,106,526,875 |
| Lain-lain | 9 | 2,033,677,999 | 2,892,230,514 |
| Kertas Bank Negara | | 105,476,712,764 | 105,897,166,260 |
| Peruntukan Hak Pengeluaran Khas | 10 | 6,819,246,401 | 6,790,312,388 |
| Liabiliti-liabiliti Lain | 11 | 20,877,653,661 | 25,259,228,604 |
| Jumlah Liabiliti | | 359,366,146,146 | 419,683,859,702 |
| Modal Berbayar | 12 | 100,000,000 | 100,000,000 |
| Kumpulan Wang Rizab Am | 13 | 14,571,973,385 | 14,536,961,990 |
| Rizab Risiko | 14 | 52,826,461,523 | 39,947,064,377 |
| Rizab Penilaian Semula Tanah | 15 | 751,927,199 | - |
| Jumlah Modal | | 68,250,362,107 | 54,584,026,367 |
| **Jumlah Liabiliti dan Modal** | | **427,616,508,253** | **474,267,886,069** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# Bank Negara Malaysia

## Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|---|
| **Jumlah Pendapatan** | 16 | **8,480,790,521** | **6,747,594,782** |
| Tolak: | | | |
| Perbelanjaan Berulang | 17 | 1,148,226,525 | 1,120,455,560 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 18 | 947,552,601 | 170,893,518 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **2,095,779,126** | **1,291,349,078** |
| **Untung Bersih** | | **6,385,011,395** | **5,456,245,704** |
| **Pengagihan Untung Bersih:** | | | |
| Pindahan kepada Rizab Risiko | 19 | 3,350,000,000 | 3,900,000,000 |
| Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am | | 35,011,395 | 56,245,704 |
| Amaun belum bayar kepada Kerajaan Persekutuan | | 3,000,000,000 | 1,500,000,000 |
| **Untung Bersih** | | **6,385,011,395** | **5,456,245,704** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 12 Februari 2015.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Bank, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawabnya untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan, Bank berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada MFRS dalam beberapa aspek.

(b) Penyediaan penyata kewangan mengikut dasar yang dinyatakan pada para 2.1(a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.

(c) Keuntungan atau kerugian penilaian semula belum realis yang disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran telah diiktiraf dalam Rizab Risiko.

2.4 **Sekuriti dan Pelaburan**

Sekuriti dan pelaburan dinyatakan terutamanya pada kos tolak peruntukan bagi penyusutan nilai pada 31 Disember 2014. Instrumen kewangan yang telah diklasifikasikan sebagai Sedia Untuk Dijual direkodkan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian penilaian semula belum realis yang disebabkan oleh perubahan harga pasaran telah diiktiraf dalam Rizab Risiko.

2.5 **Untung Bersih**

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan.

2.6 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah 'Liabiliti-liabiliti Lain', manakala amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah 'Aset-aset Lain'. Perbezaan antara amaun diterima dengan amaun dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dan pendapatan faedah mengikut asas garis lurus.

2.7 **Tanah dan Bangunan**

(a) Pada tahun-tahun sebelumnya, Bank telah merekodkan setiap tanah dan bangunan pada kos nominal RM10. Bermula dari tahun semasa, Bank telah mengubah dasar perakaunannya iaitu kos asal tanah dipermodalkan manakala setiap bangunan kekal dinyatakan pada kos nominal RM10.

(b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodalkan adalah termasuk harga belian berserta apa-apa kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.

(c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai penilaian semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik Bank akan dilaksanakan sekali setiap 10 tahun dengan sebarang lebihan daripada penilaian semula diiktiraf secara terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.

(d) Keuntungan atau kerugian daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan pada tarikh jualan.

2.8 **Aset Tetap Lain**

Semua aset tetap lain dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Emas | 4,774,070,324 | 4,617,069,254 |
| Sekuriti Asing | 347,070,572,889 | 370,973,012,213 |
| Deposit Asing | 14,200,483,867 | 13,753,641,155 |
| Baki di Bank Pusat Lain | 11,970,658,666 | 14,656,338,583 |
| Lain-lain | 17,543,495,541 | 28,209,402,304 |
| | 395,559,281,287 | 432,209,463,509 |

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**
Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 2,454,717,462 | 1,852,122,439 |

5. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

6. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Usahawan Baharu yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan perusahaan kecil dan sederhana. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan terutamanya di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Tanah dan Bangunan**
Tanah merangkumi tanah pegangan bebas. Tanah yang dibawa pada kos berjumlah RM1,250,000,000 merupakan tanah yang dibeli pada 2014. Tanah lain yang dinilai semula pada 2014 berjumlah RM863,930,000. Bangunan direkod pada nilai nominal berjumlah RM3,570.

8. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM4,595,065,420 yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

9. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

10. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) seimbang dengan sumbangan yang diberikan kepada IMF. Peruntukan SDR ini merupakan suatu liabiliti tidak aktif Bank terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Jumlah bersih peruntukan terkumpul SDR ialah SDR1,346,143,721, yang bersamaan dengan RM6,819,246,401.

11. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti lain adalah simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

12. **Modal Berbayar**
Modal berbayar sebanyak RM100,000,000 dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

13. **Kumpulan Wang Rizab Am**

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari (seperti yang dinyatakan dalam tahun sebelum ini) | 14,424,959,189 | 14,368,713,485 |
| Pelarasan tahun sebelum ini – Tanah yang dipermodalkan | 112,002,801 | 112,002,801 |
| Seperti dinyatakan semula | 14,536,961,990 | 14,480,716,286 |
| Pindahan daripada Untung Bersih | 35,011,395 | 56,245,704 |
| Pada 31 Disember | 14,571,973,385 | 14,536,961,990 |

14. **Rizab Risiko**
Rizab ini diwujudkan bagi merekod keuntungan atau kerugian belum realis berikutan perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan harga pasaran dan untuk menampung sebarang kemungkinan kerugian pada masa hadapan disebabkan oleh keadaan yang kurang menggalakkan yang di luar kawalan Bank.

15. **Rizab Penilaian Semula Tanah**
Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebihan belum realis daripada penilaian semula tanah.

16. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan merangkumi hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

17. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

18. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

19. **Pindahan kepada Rizab Risiko**
Pindahan kepada Rizab Risiko ini dibuat mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

20. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

20.1 **Aset Luar Jangka**

Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2014 ialah RM1,400,000,000. Aset ini terdiri daripada jumlah sumbangan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM800,000,000 dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM600,000,000 untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah sumbangan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

20.2 **Komitmen**

Jumlah komitmen pada 31 Disember 2014 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak RM5,948,893,693 dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.

(ii) Pada 15 Disember 2010, selaras dengan Resolusi Lembaga Gabenor No. 66-2, IMF telah menerima pakai "Fourteenth General Review of Quotas and Reform of the Executive Board" dengan kuota bagi setiap negara anggota dinaikkan. Pada 31 Disember 2014, Malaysia telah bersetuju dengan kenaikan kuotanya sebanyak SDR1,859,900,000 (bersamaan dengan RM9,421,814,464).

(iii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2014, jumlah komitmen di bawah pengaturan kredit NAB ialah SDR299,181,875 (bersamaan dengan RM1,515,584,772).

(iv) Pada 23 Julai 2012, Bank telah bersetuju memberikan sumbangan dua-hala kepada IMF berjumlah USD1,000,000,000 (bersamaan dengan RM3,496,500,000) yang diperuntukkan untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan.

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**

Komitmen Bank sebanyak SDR12,075,000 (bersamaan dengan RM61,169,100) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(c) **Pengaturan Swap**

(i) **Pengaturan Swap ASEAN**

Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2014, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD300 juta (bersamaan dengan RM1,049.0 juta) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA dari mana-mana negara anggota bagi tahun kewangan tersebut.

(ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**

(a) Pada 8 Februari 2012, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2014, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM90 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(b) Pada 20 Oktober 2013, Bank menandatangani perjanjian BCSA dengan Bank of Korea yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2014, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2014, jumlah komitmen Bank ialah USD9.1 bilion (bersamaan dengan RM31.8 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai dari mana-mana negara anggota.

(iv) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
Bank telah menandatangani perjanjian repo berjumlah USD5.0 bilion (bersamaan dengan RM17.5 bilion) dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai di waktu kecemasan. Pada 31 Disember 2014, tiada permohonan untuk bantuan mudah tunai daripada mana-mana anggota.

21. **Pengurusan Risiko Kewangan**
Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, ukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**
Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau pada asas harian. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

(b) **Risiko Kredit**
Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank yang menyebabkan Bank tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, yang telah cukup tempohnya. Satu rangka kerja risiko kredit yang komprehensif mengawasi pelaburan dan tahap dedahan kredit yang dibenarkan oleh Bank. Ini memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian kerugian yang rendah. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang tersirat dalam harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**
Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

22. **Cukai Pendapatan**
Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989.

23. **Perbandingan**
Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula agar selaras dengan persembahan pada tahun semasa. Pada tahun sebelumnya, Bank merekodkan setiap tanah dan bangunan sebagai sebahagian daripada Aset-aset Lain pada kos nominal RM10. Bermula dari tahun 2014, Bank telah mengubah dasar perakaunannya iaitu kos asal tanah telah dipermodalkan. Setiap bangunan direkodkan pada kos nominal sebanyak RM10. Perubahan dasar perakaunan ini menghendaki pengkelasan semula kos nominal yang direkodkan sebagai Aset-aset Lain dan pelarasan pada Kumpulan Wang Rizab Am untuk kos tanah yang dipermodalkan yang sebelum ini telah dikira sebagai perbelanjaan. Kesan daripada perubahan ini terhadap angka perbandingan adalah seperti yang berikut:

| | **Seperti dinyatakan semula** | **Seperti dinyatakan sebelumnya** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Aset-aset Lain | 7,296,920,314 | 7,296,923,894 |
| Tanah dan Bangunan | 112,006,381 | - |
| Kumpulan Wang Rizab Am | 14,536,961,990 | 14,424,959,189 |